

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DR. LEE BOON CHYE minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kadar positif antibodi COVID-19 di kalangan komuniti mengikut kajian yang telah dijalankan oleh KKM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berhubung kadar positif antibodi COVID-19, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menjalankan satu kajian seroprevalence COVID-19 di kalangan penduduk Malaysia berumur 1 tahun dan ke atas dari 7 Ogos ke 11 Oktober 2020. Kajian tersebut mendapati bahawa 0.62% penduduk Malaysia mempunyai antibodi COVID-19.
2. Sebagai susulan, Kementerian Kesihatan telah memulakan satu lagi kajian seroprevalens COVID-19 di kalangan penderma darah Malaysia sebagai proksi status antibodi COVID-19 di kalangan penduduk dewasa komuniti.
3. Pada masa ini, proses ujian makmal sedang berjalan untuk kajian tersebut. Keputusan kajian akan dimaklumkan sebaik sahaja ujian makmal selesai.

Sekian, terima kasih.